# Fizik Tingkatan 4

Bab 1 Daya dan Gerakan II

| Istilah | Maksud |
|---|---|
| **Daya paduan** | Daya tunggal yang mewakili jumlah secara vektor dua atau lebih daya yang bertindak ke atas sesuatu objek. |
| **Leraian daya** | Proses meleraikan satu daya tunggal kepada komponen-komponen daya |
| **Keseimbangan daya** | Apabila daya-daya yang bertindak ke atasnya menghasilkan daya paduan sifar |
| **Kekenyalan** | Sifat bahan yang membolehkan suatu objek kembali kepada bentuk dan saiz asalnya selepas daya yang bertindak ke atasnya dialihkan |
| **Hukum Hooke**   *Rajah 1.33* Graf x melawan F | Pemanjangan suatu spring adalah berkadar terus dengan daya yang bertindak ke atas spring jika tidak melebihi had kenyal spring itu <br>*Jadual 1.7* Empat faktor yang mempengaruhi nilai pemalar spring  |

*Jadual 1.7* Empat faktor yang mempengaruhi nilai pemalar spring

| Faktor | Perubahan faktor | Kesan ke atas nilai pemalar spring |
|---|---|---|
| Bahan spring | Bahan berlainan | Berubah mengikut jenis bahan |
| Panjang spring | Lebih pendek | Lebih tinggi |
| | Lebih panjang | Lebih rendah |
| Diameter spring | Diameter kecil | Lebih tinggi |
| | Diameter besar | Lebih rendah |
| Ketebalan dawai spring | Diameter dawai kecil | Lebih rendah |
| | Diameter dawai besar | Lebih tinggi |

Bab 2 Tekanan

| Istilah | Maksud |
|---|---|
| **Tekanan atmosfera** | Tekanan yang disebabkan oleh berat lapisan udara yang bertindak ke atas permukaan bumi |
| **Prinsip Pascal** | Menyatakan bahawa tekanan yang dikenakan ke atas bendalir tertutup akan dipindahkan secara seragam ke semua arah dalam bendalir itu. |
| **Daya apungan** | Daya yang bertindak ke atas apabila terdapat perbezaan tekanan antara permukaan atas dengan permukaan bawah suatu objek yang terendam di dalam suatu cecair. |
| **Prinsip Archimedes** | Menyatakan bahawa objek yang terendam sebahagian atau sepenuhnya di dalam sesuatu bendalir mengalami daya apungan yang sama dengan berat bendalir yang disesarkan |
| **Prinsip Bernouli** | Menyatakan bahawa apabila halaju pengaliran sesuatu bendalir bertambah , tekanan dalam bendalir akan berkurang atau sebaliknya |

Bab 3 Elektrik

| Istilah | Maksud |
|---|---|
| **Medan elektrik** | Kawasan sekitar suatu zarah bercas di mana sebarang cas elektrik yang berada dalam kawasan tersebut akan mengalami daya elektrik. / Kawasan yang mengalami daya elektrik yang bertindak ke atas cas. |
| **Kekuatan elektrik , E** | Daya elektrik yang bertindak ke atas seunit cas positif yang terletak pada titik itu. |
| **Arus , I** | Kadar pengaliran cas , Q dalam satu konduktor |
| **Beza keupayaan , V** | Kerja, W yang dilakukan untuk menggerakkan satu coulomb cas di antara dua titik tersebut. |
| **Rintangan , Ω** | Voltan per arus / Voltan bahagi dengan arus |
| **Kerintang dawai , ρ** | Suatu ukuran bagi keupayaan konduktor untuk menentang pengaliran arus elektrik |
| **Daya gerak elektrik (d.g.e.), ε** | Tenaga yang dibekalkan atau kerja yang dilakukan oleh satu sumber elektrik untuk menggerakkan satu coulomb cas dalam satu litar lengkap |
| **Rintangan dalam , r** | Rintangan yang disebabkan oleh bahan elektrolit di dalam sel kering tersebut |
| **Kuasa elektrik** | Kadar pertukaran tenaga elektrik kepada bentuk tenaga yang lain |

NOTA DEFINISI FIZIK

Bab 4 Keelektromagnetan

| Istilah | Maksud |
|---|---|
| **Medan lastik**<br><br>***Rajah 4.12*** *Medan lastik yang terhasil* | Medan magnet paduan yang dihasilkan oleh interaksi antara medan magnet daripada konduktor pembawa arus dengan medan magnet daripada magnet kekal |
| **Atuhan elektromagnet** | Penghasilan d.g.e. aruhan merentasi suatu konduktor apabila terdapat gerakan relatif antara konduktor itu dengan suatu medan magnet atau apabila konduktor itu berada di dalam medan magnet yang berubah |
| **Hukum Faraday** | Menyatakan bahawa magnitud d.g.e. aruhan adalah berkadar terus dengan kadar pemotongan fluks magnet. |
| **Hukum Lenz** | menyatakan bahawa arus aruhan sentiasa mengalir pada arah yang menentang perubahan fluks magnet yang menyebabkannya. |

<table>
<tr><td>Transformer</td><td>Alat yang menukarkan beza keupayaan input kepada output yang dikehendaki<br>
</td></tr>
<tr><td>Transformer unggul</td><td>Transformer yang tidak mengalami kehilangan tenaga , iaitu kecekapannya , η ialah 100%
<table>
<tr><th>Punca kehilangan tenaga</th><th>Kesan kehilangan tenaga</th></tr>
<tr><td>Rintangan gegelung</td><td>• Gegelung primer dan sekunder terdiri daripada dawai yang sangat panjang.<br>• Apabila arus mengalir dalam gegelung yang berintangan, pemanasan dawai berlaku.<br>• Pemanasan dawai menyebabkan tenaga haba dibebaskan ke sekeliling.</td></tr>
<tr><td>Arus pusar</td><td>• Medan magnet yang berubah-ubah mengaruh arus pusar dalam teras besi.<br>• Arus pusar ini memanaskan teras besi.<br>• Teras besi yang panas membebaskan tenaga haba ke persekitaran.</td></tr>
<tr><td>Histerisis</td><td>• Teras besi dimagnetkan dan dinyahmagnetkan secara berterusan oleh medan magnet yang berubah-ubah.<br>• Tenaga yang dibekalkan untuk pemagnetan tidak dipulihkan sepenuhnya semasa penyahmagnetan. Perbezaan tenaga ini dipindahkan kepada teras besi untuk memanaskannya.</td></tr>
<tr><td>Kebocoran fluks magnet</td><td>• Fluks magnet yang dihasilkan oleh arus primer tidak dipautkan sepenuhnya kepada gegelung sekunder.</td></tr>
</table>
<table>
<tr><th>Punca kehilangan tenaga</th><th>Cara mengurangkan kehilangan tenaga</th></tr>
<tr><td>Rintangan gegelung</td><td>Gunakan dawai kuprum yang lebih tebal supaya rintangan gegelung menjadi lebih kecil.</td></tr>
<tr><td>Arus pusar</td><td>Gunakan teras besi berlamina yang terdiri daripada kepingan-kepingan besi nipis yang dilekatkan dengan gam penebat.</td></tr>
<tr><td>Histerisis</td><td>Gunakan besi lembut sebagai teras. Besi lembut memerlukan tenaga yang lebih kecil untuk dimagnetkan.</td></tr>
<tr><td>Kebocoran fluks magnet</td><td>Lilitkan gegelung sekunder di atas gegelung primer supaya semua fluks magnet yang dihasilkan oleh arus primer akan melalui gegelung sekunder.</td></tr>
</table></td></tr>
</table>

Bab 5 Eletronik

<table>
<tr><th>Istilah</th><th>Maksud</th></tr>
<tr><td>Pancaran termion<br>
</td><td>Pemancaran elektron bebas daripada permukaan logam yang dipanaskan</td></tr>
<tr><td>Sinar katod<br>
</td><td>Alur elektron yang berkelajuan tinggi dalam keadaan vakum<br>Sifat/Ciri Sinar Katod :<br>1. Boleh dipesongkan oleh medan elektrik dan medan magnet<br>2. Bercas negatif<br>3. Bergerak secara lurus<br>4. Mempunyai momentum dan tenaga kinetik</td></tr>
</table>

| | |
|---|---|
| **Diod semikonduktor**<br> | Komponen elektronik yang membenarkan arus elektrik mengalir dalam satu arah tertentu sahaja.<br> |
| **Litar pincang depan** |  |
| **Litar pincang songsang** |  |
| **Rektifikasi** | Proses penukaran arus ulang-alik kepada arus terus |
| **Rektifikasi gelombang separuh** | Semasa separuh kitar positif, diod semikonduktor adalah pincang depan dan membenarkan arus mengalir melaluinya. Semasa separuh kitar negatif, diod semikonduktor adalah pincang songsang dan tiada pengaliran arus. |
| **Rektifikasi tetimbang** | Susunan empat diod dalam suatu litar<br> |
| **Rektifikasi gelombang penuh** | Proses rektifikasi yang membenarkan arus mengalir dalam satu litar lengkap pada satu arah yang sama |
| **Rektifier** | Alat yang menukarkan arus ulang-alik kepada arus terus |
| **Transistor** | Satu komponen elektronik yang mempunyai tiga terminal, iaitu pengeluar, E, tapak, B dan pengumpul, C<br> |

NOTA DEFINISI FIZIK

Bab 6 Fizik Nuklear

| Istilah | Maksud |
|---|---|
| **Reputan radioaktif** | Proses nukleus tidak stabil menjadi nukleus stabil dengan memancarkan sinaran radioaktif.   |
| **Zarah alfa** | Nukleus helium yang terdiri daripada dua proton dan dua neutron |
| **Zarah beta** | Elektron yang bergerak pantas |
| **Zarah gama** | Sinaran elektromagnet yang berfrekuensi tinggi |
| **Separuh hayat** | Masa yang diambil untuk separuh daripada bilangan asal nukleus radioaktif bagi suatu sampel radioaktif mereput   |
| **Tenaga nuklear** | Tenaga atom yang dibebaskan semasa tindak balas nuklear |
| **Pembelahan nukleus** | Tindak balas nuklear apabila satu nukleus yang berat membelah menjadi dua atau lebih nukleus yang lebih ringan dengan membebaskan tenaga yang banyak   |
| **Pelakuran nukleus**<br><br>Syarat : Keadaan suhu dan tekanan yang amat tinggi | Tindak balas nuklear apabila nukleus yang kecil dan ringan bercantum untuk membentuk satu nukleus yang berat dengan membebaskan tenaga yang banyak   |

| | |
|---|---|
| **Unit jisim atom (u.j.a)** | Ukuruan jisim suatu atom |
| **Cacat jisim** | Kehilangan jisim selepas reputan radioaktif |
| **Tindak balas berantai** | Suatu tindak balas spontan di mana hasil tindak balas boleh memulukan tindak balas lain yang sama<br><br>*Rajah 6.13 Tindak balas berantai uranium-235* |

Bab 7 Fizik Kuantum

NOTA DEFINISI FIZIK

| Istilah | Maksud |
|---|---|
| **Jasad hitam** | Suatu jasad unggul yang berupaya menyrap semua sinaran elektromagnet yang jatuh padanya<br><br>1. Memancarkan sinaran termal bergantung pada suhunya<br>2. Sinaran yang dipancar berbentuk spektrum selanjar<br>3. Sinaran yang dipancar tidak dipengaruhi oleh sifat permuakaan jasad hitam |
| **Cahaya** | Gelombang elektromagnet yang terhasil daripada getaran cas elektrik |
| **Teori klasik** | 1. Tenaga pancaran elektromagnet adalah selanjar<br>2. Tenaga pancaran elektromagnet bergantung kepada keamatan sinaran |
| **Teori kuantum / Planck** | 1. Tenaga pancaran elektromagnet adalah diskrit<br>2. Tenaga pancaran elektromagnet bergantung kepada frekuensi atau panjang gelombangnya bagi kuanta cahaya tersebut |
| **Kuantum tenaga** | Paket tenaga yang diskrit dan bukan tenaga selanjar. |
| **Foton** | Kuantum tenaga cahaya yang boleh dipindahkan |
| **Kedualan gelombang-zarah** | Menunjukkan sifat zarah dan sifat gelombang |
| **Kesan fotoelektrik** | Fenomena apabila suatu permukaan logam disinari oleh alur |

<table>
<tr><td>
</td><td>cahaya yang mempunyai frekuensi tertentu, elektron daripada logam itu dapat dipancar keluar</td></tr>
<tr><td>Fotoelektron</td><td>Elektron yang dipancarkan oleh permukaan loam yang disinari dengan alur cahaya tertentu</td></tr>
<tr><td>Frekuansi ambang</td><td>Frekuansi minimum yang boleh menghasilkan kesan fotoelektrik pada satu jenis logam

</td></tr>
<tr><td>Fungsi kerja</td><td>Tenaga minimum yang diperlukan untuk fotoelektron terlepas dari permukaan logam

</td></tr>
<tr><td>Teori Fotoelektrik Einstein</td><td>Tenaga setiap foton adalah berkadar terus dengan frekuensi cahaya</td></tr>
</table>

NOTA DEFINISI FIZIK

* Semua rujuk dari buku teks Fizik Tingkatan 5 KSSM , semoga bermanfaat